



**SYARAT DAN PERATURAN  
ANUGERAH DEKAN UNGGUL  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024**

### **DEFINISI ANUGERAH DEKAN UNGGUL**

Anugerah Dekan Unggul merupakan salah satu kategori anugerah utama yang dipertandingkan dalam Anugerah Kecemerlangan Akademia anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan yang diadakan sempena Istiadat Konvokesyen Universiti.

### **OBJEKTIF ANUGERAH**

Anugerah ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai usaha Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat Akademik yang komited dan sentiasa berlitzam dalam menyumbang kepada kecemerlangan Fakulti/Pusat Akademik yang diketuaunya.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Terbuka kepada semua Dekan/Pengarah di Fakulti/Pusat Akademik UMK.
2. Pencalonan adalah berdasarkan pencalonan kendiri (*self-nomination*). Calon hendaklah menghantar **video berdurasi tidak lebih daripada 5 minit** yang menonjolkan pencapaian calon dalam memimpin kecemerlangan Fakulti/Pusat Akademik.
3. Maklumat yang diambil kira bagi penilaian anugerah adalah bermula pada **Januari - September 2024**.
4. Video pencalonan hendaklah diserahkan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel [pkpa@umk.edu.my](mailto:pkpa@umk.edu.my)
5. Video dan dokumen sokongan perlu dihantar melalui pautan yang diberikan menggunakan Google Form di **Calon Dekan Unggul 2024** atau <https://forms.gle/y8p876qfFAvuCwNP7>.

## KAEDAH PENILAIAN

1. Video pencalonan kendiri (*self-nomination*);
2. Markah Penilaian 360 darjah daripada Bahagian Pengurusan Dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar;
3. Penilaian daripada panel penilai/juri profesional yang dilantik oleh Jawatankuasa. Proses penilaian ini juga boleh mengambil kira maklumat sekunder daripada laman sesawang dan media sosial peribadi calon seperti *LinkedIn*, *Google Scholar*, *Google Site*, *ResearchGate*, dan lain-lain yang berkaitan.

## KRITERIA PENILAIAN

1. Penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
  - i. Kepimpinan (30%);
  - ii. Keterlihatan (30%);
  - iii. Wawasan (20%); dan
  - iv. Jaringan Kerjasama (20%).

<b>Kepimpinan (30%)</b>	<p>i. Memulakan program akademik baharu dan semakan program sedia ada yang yang mempunyai salah satu ciri/ komponen berikut: <i>Future Ready Curriculum</i> (FRC), <i>Open Distance Learning</i> (ODL), <i>Anjal &amp; Hybrid &amp; Flexible</i> (HyFlex), <i>Pesisir (Off-shore)</i>, <i>Work-based Learning</i> (WBL), EXCEL, <i>Service Learning</i> (SULAM), atau <i>Sustainable Development Goals</i> (SDG);</p> <p>ii. Penglibatan program akademik dalam Mod Industri, dan pensijilan professional;</p> <p>iii. Mendokong penglibatan Fakulti/Pusat Akademik dalam aktiviti keusahawanan dan penjanaan pendapatan, dan pengkomersialan yang berimpak.</p>
-------------------------	--

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Menambahbaik aktiviti lain di Fakulti/Pusat Akademik masing-masing seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, penerbitan, penyeliaan dan pembangunan pelajar, kesukarelaan dan pembangunan profesional dalam kalangan ahli Fakulti/Pusat Akademik;</li> <li>v. Kecekapan mengurus sumber dan kewangan Fakulti/Pusat Akademik.</li> </ul>
<b>Keterlihatan (30%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penglibatan dalam persidangan antarabangsa, dijemput sebagai penceramah ucaptama dan lain-lain;</li> <li>ii. Memperkasa program mobiliti sama ada pelajar atau staf di Fakulti/Pusat Akademik;</li> <li>iii. Menerima anugerah dan pengiktirafan atas kapasiti individu dan Fakulti/Pusat Akademik;</li> <li>iv. Penglibatan dalam mempromosi Fakulti/Pusat Akademik melalui pelbagai platform media.</li> <li>v. Memegang jawatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</li> </ul>
<b>Wawasan (20%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merangka hala tuju Fakulti/Pusat Akademik yang jelas dan berfokus, yang sesuai dengan pelan strategik dan teras universiti, dan keperluan semasa (trend) pendidikan tinggi negara;</li> <li>ii. Memotivasi dan menginspirasi staf akademik dan pelajar, serta komited pada pembangunan profesional staf dan kendiri pelajar seperti penglibatan dalam mobiliti.</li> </ul>

<b>Jaringan Kerjasama (20%)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Pengaktifan dan penganjuran aktiviti berkaitan MoU dan MoA yang telah ditandatangani, samada dengan pusat pengajian tinggi lain, pihak industri atau agensi-agensi kerajaan dan NGO;</li><li>ii. Bilangan Professor Adjung dan Felo Industri yang dilantik.</li></ul>
---------------------------------	--

## **NILAI ANUGERAH**

Penerima Anugerah Dekan Unggul akan menerima **Piala Iringan dan Sijil Penghargaan**.